



Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/5  
Tarikh : 13 November 2020

**PEKELILING AKADEMIK BIL. 35/2020**

**Dekan/Pengarah**  
Fakulti/Institut/Pusat  
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato'/Datuk/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2020/2021**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa kaedah pentaksiran bagi kursus-kursus Semester 1 Sesi Akademik 2020/2021 boleh dilaksanakan seperti ketetapan berikut:

**2.1. Penilaian Berterusan**

Sekiranya Fakulti/Institut/Pusat menetapkan kaedah pentaksiran secara penilaian berterusan, fakulti/institut/pusat hendaklah memastikan semua tugas/kuiiz diselesaikan sebelum minggu peperiksaan akhir bermula.

**2.2. Peperiksaan Akhir Secara Dalam Talian**

- i) Sekiranya Fakulti/Institut/Pusat ingin mengendalikan peperiksaan akhir secara dalam talian, proses pentaksiran soalan perlu mematuhi prosedur yang telah ditetapkan. Soalan peperiksaan perlu ditaksir oleh Jawatankuasa Penaksir/Moderasi Soalan peringkat Fakulti/Institut/Pusat selaras dengan Arahan Kerja Penyediaan Soalan Peperiksaan (UKM/PJK/PPPS/P05/AK03).
- ii) Tarikh akhir penyediaan soalan dalam UKMFolio selewat-lewatnya pada **27 Disember 2020**. Selepas tarikh tersebut, pihak Akademik UKM akan membuat semakan format soalan dalam UKMFolio seperti garis panduan yang telah disediakan oleh pihak Pengajaran-UKM.
- iii) Kaedah pelaksanaan dan kaedah penilaian hendaklah diuruskan di peringkat Fakulti/Institut/Pusat.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8911 8451/8450/8460/8027 Faks: +603-8911 8471 Emel: akad@ukm.edu.my  
Web: www.ukm.my/akademik

### 2.3. Peperiksaan Akhir Bawa Pulang (*Take Home Examination*)

- i) Fakulti/Institut/Pusat perlu menetapkan aras kesukaran soalan yang bersesuaian dengan mengambil kira pelajar mempunyai akses rujukan pelbagai dan tidak terbatas. Soalan peperiksaan perlu ditaksir oleh Jawatankuasa Penaksir/Moderasi Soalan peringkat Fakulti/Institut/Pusat selaras dengan Arahan Kerja Penyediaan Soalan Peperiksaan (UKM/PJK/PPPS/P05/AK03).
- ii) Amalan tidak beretika oleh pelajar dengan melakukan plagiat daripada sumber rujukan dan skrip jawapan rakan adalah TIDAK DIBENARKAN. Pensyarah boleh mengambil tindakan sewajarnya dengan membuat laporan kepada universiti sekiranya mendapati pelajar berbuat demikian. Sehubungan itu, pensyarah perlu mendapatkan perakuan daripada pelajar semasa pelajar menghantar skrip jawapan dengan menyatakan bahawa jawapan yang dikemukakan adalah hasil kerja sendiri dan bukannya hasil plagiat daripada rakan atau sumber yang lain.
- iii) Tempoh masa dan kaedah pelaksanaan perlu ditetapkan oleh Fakulti/Institut/Pusat. Walau bagaimanapun, Akademik UKM mencadangkan tempoh maksimum untuk pelajar menjawab soalan peperiksaan adalah tiga (3) hari. Pensyarah digalakkan menggunakan platform **UKMFolio™**.
- iv) Kaedah penghantaran skrip jawapan oleh pelajar dan penilaian perlu diuruskan di peringkat Fakulti/Institut/Pusat.

### 2.4. Peperiksaan Berjadual Akademik/Fakulti

Peperiksaan secara bersemuka boleh diadakan bagi **kursus-kursus professional atau bagi kursus-kursus yang penilaiannya tidak boleh dijalankan secara dalam talian**. Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat hendaklah dipatuhi bagi memastikan keselamatan pelajar dan kakitangan.

3. Pihak fakulti/institut/pusat boleh merujuk garis panduan yang disediakan oleh Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM) bagi pelaksanaan pentaksiran dalam talian:

- i) Pekeliling Pengajaran-UKM Bil. 2/2020: Garis Panduan Peruntukan Kaedah Menangani Isu Integriti Akademik Mahasiswa: Peperiksaan Dalam Talian Menggunakan Fitur Dalam UKMFolio™.
- ii) Pekeliling Pengajaran-UKM Bil. 3/2020: Garis Panduan Perkongsian Terbaik Pentaksiran Dalam Talian (PdT) Menggunakan UKMFolio™.
- iii) Pekeliling Pengajaran-UKM Bil. 4/2020: Garis Panduan Penilaian Dan Pentaksiran Dalam Talian.
- iv) Pekeliling Pengajaran-UKM Bil. 5/2020: Garis Panduan Peperiksaan Buka Buku.

4. Semua peperiksaan akhir bagi Semester 1 Sesi Akademik 2020/2021 adalah di bawah kendalian Fakulti/Institut/Pusat melainkan **Peperiksaan Berjadual Akademik Secara Bersemuka (pelajar lebih tiga**



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8911 8451/8450/8460/8027 Faks: +603-8911 8471 Emel: akad@ukm.edu.my  
Web: www.ukm.my/akademik

puluh orang (>30). Selaras dengan itu, jadual kerja bagi pengendalian Peperiksaan Semester 1 Sesi Akademik 2020/2021 adalah seperti berikut:

Aktiviti	Tarikh
Pengesahan Maklumat Keperluan Peperiksaan	19 Oktober 2020 hingga 15 November 2020
Penyusunan Jadual Peperiksaan	16 November 2020 hingga 6 Disember 2020
Pengesahan Masuk Peperiksaan	7 Disember 2020 hingga 13 Disember 2020
Cetakan Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan	4 Januari 2021 hingga 10 Januari 2021
Peperiksaan Akhir Semester 1 Sesi 2020/2021	1 Februari 2021 hingga 19 Februari 2021

5. Sebarang pertanyaan lanjut, Fakulti/Institut/Pusat boleh berhubung dengan **Puan Syuhada Nur Ab Rahman (sambungan telefon 8450 atau emel [syunur@ukm.edu.my](mailto:syunur@ukm.edu.my))**, **Cik Suhaida Ab Rahman (sambungan telefon 8388 atau emel [suhaida@ukm.edu.my](mailto:suhaida@ukm.edu.my))** dan **Puan Siti Norazlinawati Syed Mat Zin (sambungan telefon 8458 atau emel [ctnor@ukm.edu.my](mailto:ctnor@ukm.edu.my))**.

Segala kerjasama YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato'/Datuk/Datin/Dr./Tuan/Puan adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, salam hormat.

Yang benar,



**ROHANA TAN**

Timbalan Pendaftar

Pusat Pengurusan Akademik

- s.k. - Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)
- Pengarah  
Pusat Teknologi Maklumat
  - Pengarah  
Pusat Kembangan Pendidikan
  - Pengarah  
Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum  
(Pengajaran-UKM)
  - Pengarah  
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
  - Ketua Penolong Pendaftar Kanan/ Ketua Penolong Pendaftar/ Penolong Pendaftar Kanan  
/Penolong Pendaftar  
Fakulti/Institut/Pusat



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8911 8451/8450/8460/8027 Faks: +603-8911 8471 Emel: [akad@ukm.edu.my](mailto:akad@ukm.edu.my)  
Web: [www.ukm.my/akademik](http://www.ukm.my/akademik)

**Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities**



[www.ukm.my](http://www.ukm.my)